

Headline	Misi ukir senyuman SI CILIK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	846 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faizatul Farlin Farush Khan	AdValue	RM 33,327
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,982



# Misi ukir senyuman SI CILIK

Oleh Faizatul Farlin  
Farush Khan  
ffarlin@gmail.com

Kita sering mengam-bil mudah pelbagai perkara kecil dalam kehidupan, daripada senyuman yang diberikan kepada orang tersayang kepada degupan jantung yang menghidupkan kita.

Perkara ini mungkin mudah dan tidak lang-sung terlintas pada fikiran golongan yang sihat, te-pati bagi mereka yang di-lahirkan dengan penyakit jantung kongenital atau bibir sumbing serta lelangit khususnya kanak-kanak, ia adalah satu perjuangan dari sehari ke sehari.

Di Malaysia, setiap ta-hun dianggarkan 5,000 bayi dilahirkan dengan penyakit jantung kongenital dan lebih 500 bayi men-jengah dunia ini dengan keadaan bibir sumbing atau lelangit.

Sehubungan itu, AIA Bhd, melalui program Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR) AIA Touching Lives, memu-lakan usaha memperbaiki kehidupan kanak-kanak yang kurang bernasib baik sejak dua tahun lalu.

Pada 2013, AIA me-mulakan program itu de-ngan menubuhkan Dana AIA Touching Lives dan

Projek bazar amal AIA kutip dana bantu kanak-kanak kecacatan jantung, bibir sumbing jalani pembedahan

melalui usaha mengumpul dana yang diterajui kaki-tangannya, berjaya mengu-tip RM380,000 pada tahun terabit untuk kanak-kanak menghidap penyakit jantung kongenital dan bibir sum-bing atau lelangit.

Tahun ini, sempena Hari Jantung Sedunia dan Hari Senyum Dunia, AIA men-gesahkan sekali lagi komitmennya terhadap dua usa-ha itu dan berhasrat untuk mengumpul RM180,000 melalui bazar amal tahunan yang dikendalikan sepenuhnya oleh warga kerjanya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif AIA, Anusha Tha-varajah, usaha berkenaan lahir daripada keinginan untuk menggalakkan kaki-tangannya berhubung de-ngan masyarakat dan me-mahami kehidupan orang di sekeliling supaya mereka faham peranan sebagai pe-nanggung insurans hayat.

Katanya, kakitangan di semua peringkat membe-ri idea dan menerajui pro-

*“Usaha dijalankan AIA membawa perbezaan sebenar dalam kehidupan kanak-kanak dan keluarganya, dengan memberikan mereka peluang untuk membetulkan kecacatan ini seterusnya menjalani kehidupan normal”*

ZAINAL AZHAR AHMAD

jek penajaan dana supaya mereka boleh belajar dan berkembang, secara peri-badi dan profesional. AIA Touching Lives menjadi satu landasan pembabitan peker-ja yang amat berkesan serta mempunyai misi sosial yang kuat.

“Satu cara yang baik un-tuk menghayati perkara ini ialah dengan membantu kanak-kanak yang kurang

bernasib baik, dilahirkan dengan kecacatan jantung dan bibir sumbing supa-ya mereka dapat menjalani pembedahan pembedahan seterusnya melalui kehidu-pan yang normal,” katanya pada majlis bazar amal anju-ran AIA.

Sebanyak RM100,000 daripada jumlah dana dipe-roleh dalam majlis itu akan segera diperuntukkan untuk

membantu enam kanak-kanak yang dijadualkan menjalani pembedahan jantung pembedahan, ma-nakala RM50,000 lagi di-peruntukkan kepada Per-satuan Bibir Sumbing dan Lelangit Malaysia (CLA-PAM), yang bekerjasama dengan AIA dalam men-getengahkan kes kanak-kanak mengalami sumbing yang memerlukan bantuan kewangan.

Pengerusi CLAPAM Zai-nal Azhar Ahmad berka-ta, satu dalam setiap 700 kelahiran di Malaysia mengalami masalah bi-bir sumbing dan lelangit manakala pada peringkat global ia adalah keadaan kelahiran keempat paling kerap dialami.

Katanya, ia satu kea-daan kesihatan serius yang dialami bayi dan kanak-kanak dan jika tidak di-rawat, boleh membawa kepada trauma fizikal dan emosi selanjutnya.

“Usaha dijalankan AIA membawa per-

be z a a n sebenar dalam ke-hidupan k a n a k-kanak dan keluarg-a, dengan m e m b e-rikan me-reka peluang untuk mem-betulkan ke-cacatan ini se-te-rus nya

menjalani kehidupan nor-mal,” katanya.

Setakat ini, AIA sudah mengutip lebih RM655,000 untuk Dana AIA Touching Lives. Wang berkenaan berjaya membantu le-bih 350 kanak-kanak di-lahirkan dengan kecacatan jantung dan bibir sumbing serta lelangit melalui pena-jaan pembedahan pembe-tulan dan botol susu khas.

Bagi mencapai sasaran kutipan RM180,000 pada tahun ini, warga kerja AIA menyediakan lebih 15 ge-rai menjual pelbagai baran-gan termasuk makanan, pencuci mulut, makanan ringan, peralatan rumah, aksesori perjalanan, per-mainan dan juga perkhid-matan seperti rawatan spa dan urutan kaki.

Satu lelong amal juga diadakan dan 10 pekerja dibenarkan membid a bar-an-gan yang didermakan oleh ahli jawatankuasa Ek-sekutif AIA.



KAKITANGAN AIA Bhd menyediakan lebih 15 gerai di bazar amal.

